

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	26/07/2017

Mahathir jangka orang Melayu hilang kuasa 2050

PUTRAJAYA - Orang Melayu di negara ini dijangka hilang kuasa dan keistimewaan menjelang 2050, sekiranya gagal memperjuangkan nasib bangsa sendiri.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, sikap orang Melayu yang gemarkan keselesaan dan tidak mahukan perubahan menyebabkan bangsa itu akan lenyap dari muka bumi ini.

"Inilah keadaan sekarang ini, kerana orang Melayu kita sukakan keselesaan, tidak suka ketidakselesaan. Kita tidak mahu perubahan. Kalau boleh biarlah orang lain yang melakukan dan kalau tidak dapat pun tak mengapa.

"Kalau kita bersikap demikian, masa depan orang Melayu akan menjadi satu bangsa yang hilang dari muka bumi ini," katanya dalam

Dialog Tokoh Politik Bersama Cendekiawan Melayu, bertajuk Forum Hala Tuju Politik Melayu anjuran Gabungan Intelektual Melayu di Yayasan Kepimpinan Perdana, semalam.

Dengan memberi contoh Tamadun Mesir, Mahathir berkata, perkara itu tidak mustahil berlaku kepada orang Melayu di negara ini.

"Banyak sudah bangsa yang maju sudah tidak ada sekarang ini kerana mereka tidak bertindak menyelamatkan bangsa mereka.

"Kalau orang Melayu tidak mahu bertindak menyelamatkan, kita juga akan menjadi bangsa sama. Saya bagi masa tak lama, dalam 2050 orang Melayu akan hilang," katanya.

Menurutnya, menjual hak kepunyaan orang Melayu menyebabkan bangsa itu jadi minoriti, hilang kuasa politik dan ekonomi.

UM - 26/7/2017 Pg. 3